



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

MSM terajui pengeluaran gula

Oleh **SAJIDA ASARULAH KHAN**

ekonomi@utusan.com.my

JEMPOL 29 Nov. - Kilang penapis gula milik Felda Global Ventures (FGV) Holdings kilang, MSM Holdings Bhd (MSM) memulakan pembinaan kilang pada Februari tahun depan dengan kos sebanyak RM1 billion.

Pengerusi Felda Tan Sri Mohd Isa Abd. Samad berkata, kilang itu akan dibina di atas tanah seluas 20 hektar di Tanjung Langsat, Pasir Gudang, Johor dan ia merupakan kilang ketiga selepas MSM Prai, di Pulang Pinang dan MSM Perlis.

"Pembinaan kilang itu dijangka siap pada suku keempat 2017 membolehkan MSM menerajui pasaran gula tempatan dengan sasaran pengeluaran sebanyak 2.2 juta tan gula bertapis setahun, berbanding 1.2 juta tan menerusi dua kilang sebelum ini

"Ini akan membolehkan MSM meningkatkan kapasiti pengeluaran tahunan gula bertapis sekaligus mengukuhkan kedudukan MSM untuk menerajui pasaran hadapan pengeluaran bahan utama makanan berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

ditemui selepas Majlis Graduasi Mini Tabika Kemas di Perkampungan Orang Asli Panchor dan Perasmian Dewan Terbuka kampung berkenaan, semalam.

Hadir sama Pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jako) daerah

Jempol, Khairul Anuar Abu Khamis serta Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) John Baharyn Ayom.

Jelasnya, sebanyak 60 peratus gula yang bakal dihasilkan kilang baharu itu akan dieksport keluar negara manakala selebihnya adalah untuk pasaran tempatan dan dijangka mencukupi untuk kegunaan penduduk di negara ini.

"Kilang penapis gula itu mampu mengeluarkan satu juta tan gula setahun dan akan menggunakan kira-kira 200 tenaga kerja dengan memberi keutamaan kepada anak tempatan.

"MSM berhasrat untuk berada pada kedudukan terbaik sebagai pemain utama pengeluar gula di negara ini dan Asia Tenggara khususnya," katanya.



MOHD. ISA ABD. SAMAD (duduk) mengiringi sebuah kugiran di Majlis Graduasi Mini Tabika Kemas di Perkampungan Orang Asli Panchor, Jempol, Negeri Sembilan, semalam. - UTUSAN/SAJIDA ASARULAH KHAN